

SULIT

1103/1

1103 / 1  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 1  
Percubaan SPM  
Ogos  
2011



2 ¼ jam

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

---

PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

---

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

[Lihat halaman sebelah

**Bahagian A**

[30 markah]

[Masa dicadangkan : 45 minit]

Baca petikan di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang usaha-usaha menggalakkan pelancongan di *Malaysia*. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

- Amir : Banyak sungguh tempat pelancongan di *Malaysia*. Ramai juga pelancong yang datang dari negara Eropah dan Timur Tengah.
- Hamzah : Yalah. Pihak kerajaan dan pihak swasta perlu melakukan pelbagai usaha untuk menambahkan pusat-pusat pelancongan ini lagi. Jika tidak, industri pelancongan negara kita sukar untuk bersaing dengan negara lain.
- Amir : Pada pendapat sayalah Hamzah, jika kerajaan mempromosikan tempat-tempat menarik di *Malaysia* ke negara Eropah dan Asia, tentu industri pelancongan di negara kita mampu bersaing dengan negara-negara lain di dunia.
- Hamzah : Saya fikir bukan itu sahaja yang perlu dilakukan oleh pihak kerajaan, sebaliknya pihak swasta juga perlu digalakkan untuk membuka pusat-pusat percutian yang bertaraf dunia.
- Amir : Pelbagai pihak seperti masyarakat, ibu bapa dan pihak sekolah juga wajar memberikan kerjasama kepada kerajaan untuk memajukan pelancongan di negara kita.
- Hamzah : Betul juga. Eloklah kita melancong di dalam negara terlebih dahulu sebelum merancang untuk bercuti ke luar negara bagi merealisasikan hasrat murni kerajaan ini.

[Lihat halaman sebelah

SULIT

SULIT

3

1103/1

**Bahagian B**

[100 markah]

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Remaja pada hari ini kurang melibatkan diri dalam aktiviti komuniti seperti bergotong royong.

Huraikan punca-punca berlakunya gejala ini.

- 2 Anda akan menyertai Pertandingan Pidato 1 Malaysia peringkat daerah. Tajuk pidato yang anda pilih ialah 'Peranan Masyarakat untuk Menangani Gejala Sosial dalam Kalangan Remaja'.

Sediakan teks pidato anda selengkapnya.

- 3 Pengaruh teknologi maklumat dan komunikasi menyebabkan permainan tradisional semakin dipinggirkan.

Sebagai remaja yang berwawasan, berikan pendapat anda tentang usaha-usaha untuk mempopularkan permainan tradisional ini kembali.

- 4 Bencana alam yang berlaku pada hari ini semakin mendapat perhatian daripada masyarakat antarabangsa.

Huraikan peranan yang boleh dilakukan oleh pelbagai pihak untuk membantu negara yang terbabit dalam masalah ini.

- 5 Anda telah membaca sebuah novel yang banyak mengandungi nilai murni dan pengajaran.

Berdasarkan novel tersebut, jelaskan nilai-nilai yang dapat dijadikan pedoman dalam kehidupan kita.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

SULIT

1103/2  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 2  
Percubaan SPM  
Ogos  
2011  
2 ½ jam



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2011

---

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak.

**Soalan 1: Rumusan**  
[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang keistimewaan sejarah dalam kehidupan dan langkah-langkah meningkatkan minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Sejarah ialah peristiwa yang sudah berlaku dalam kehidupan harian kita. Sejarah berkaitan dengan diri, keluarga, masyarakat, agama, bangsa dan negara. "Sesiapa yang melupai sejarah pasti akan mengulanginya," itulah kata-kata George Santayana yang dipetik daripada setiap bab dalam buku teks Sejarah yang digunakan di sekolah. Kita perlu menyelidik dan mendapatkan bukti yang sah tentang sejarah negara daripada sumber yang sahih. Kita juga harus tidak mudah terpengaruh oleh maklumat yang dapat melemahkan semangat patriotisme kita.

Menghayati sejarah negara, akan melatih kita menyanjung tinggi jasa masyarakat terdahulu dan kebenaran fakta sejarah. Sejarahwan ada mengatakan bahawa manusia tanpa sejarah akan kehilangan jati diri mereka. Sejarah merupakan satu daripada elemen penting pembentukan jati diri dan menjadikan kita bangga akan masa silam negara kita yang cemerlang. Sejarah negara turut menyemarakkan semangat patriotisme dalam diri kita. Dalam hal ini, pengetahuan tentang warisan sejarah negara dapat membentuk keperibadian diri yang masih utuh dengan nilai, adat, budaya, agama, bangsa dan negara dalam kalangan rakyat, terutama generasi muda.

Sejarah mengajar kita tentang tindak-tanduk manusia yang dapat dijadikan teladan dan garis panduan dalam menguruskan perlakuan dan keputusan kita pada masa sekarang. Pengetahuan sejarah yang mendalam dapat dijadikan panduan bagi membentuk jati diri seseorang tentang negaranya. Pengetahuan sejarah tentang kemusnahan dan kesengsaraan manusia akibat konflik dan peperangan menjadi pengajaran untuk mengelakkan persengketaan antara kita. Kekuatan keperibadian diri yang cinta akan kedamaian membuatkan kita benci akan persengketaan dan perbalahan sesama manusia. Jati diri individu membolehkan mereka mengenali diri dengan melihat kekuatan dan kelemahan diri sendiri.

Sejarah keluarga dapat memperlihatkan kekuatan institusi keluarga yang kita warisi. Apabila kita mengetahui asal-usul diri dan keluarga, hal ini sudah tentu akan menguatkan semangat kekitaan dan tanggungjawab dalam kalangan anggota keluarga. Oleh itu, keperibadian diri yang kukuh juga turut menjadikan seseorang itu lebih bertanggungjawab terhadap masyarakat dan negaranya. Catatan sejarah yang memaparkan latar belakang proses pemasyarakatan dapat menyedarkan remaja tentang warisan kebudayaan negara. Dengan cara ini, sejarah akan melahirkan individu yang berjiwa besar terhadap negara.

(Dipetik dan diubah suai daripada  
'Sejarah Membina Jati Diri'  
oleh Koo Kee Ping,  
Dewan Siswa, Januari 2009)

SULIT

3

1103/2

Soalan 2 : Pemahaman

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Apakah maksud rangkai kata *menyemarakkan semangat patriotisme*? [2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa contoh kesan kekuatan **jati diri kepada individu**. Nyatakan kesan-kesan tersebut. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang dapat dilakukan **untuk menghargai jasa pejuang kemerdekaan negara**? [4 markah]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

Soalan 2(b) – Petikan Cerpen

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bersarang perasaan geramnya di dalam hati apabila Israk beredar. Lagak Israk menewaskan lagak orang yang berlagak. Dia masih belum sedar daripada mimpinya. Agaknya kalau ditimpa musibah baru dia akan sedar. Sudah terhantuk baru tengadah.

Israk menekan punat televisyen. Malangnya tiada apa-apa pada skrin. Kaca TV hitam sahaja. Israk mencebik.

“TV pun rosak!” Sengaja ditinggikan suaranya seperti ‘injak naik’ yang menaikkan jumlah voltan arus yang mengalir.

Dengan sopan kerusi ditolak ke bawah meja. Mikraj menapak ke ruang tamu seluas 4 m x 6 m itu. Mata bundarnya memandang Israk yang mundur-mandir di situ. Bagaikan cacing kepanasan. Sesungguhnya dia tidak serasi dengan situasi di situ, di rumah Wah, Kampung Sayong.

“Bukankah Wah lebih tua daripada kita. Lagipun dia nenek kita. Tentu orang cerdik seperti abang tahu tanggungjawab!”

Israk melemparkan pandangan ke luar jendela. Daun pokok pisang melambai-lambainya seolah-olah mengejanya. Dia mengetap bibir.

“Abang, kalau tanpa Wah, pa tidak lahir ke dunia. Sekali gus kita berdua pun tidak melihat dunia seperti sekarang.”

“Teori pembiakan manusia itu abang sudah tahu. Tak perlu diajar lagi!”

“Ini peluang bagi abang ... rebutlah. Jangan pula abang menyesal kemudian hari.”

(Dipetik daripada  
Cerpen ‘Israk’  
oleh Erda Roslan Khairi  
dalam antologi *Harga Remaja*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan **dua** perlakuan Israk yang menggambarkan dia tidak selesa berada di rumah neneknya. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah yang wajar dilakukan oleh seseorang ketika berada di rumah orang? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** pengajaran dalam petikan cerpen di atas dan **satu** pengajaran lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]



**Soalan 2(c) - Petikan Prosa Klasik**

*Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Sebermula pada tiap-tiap hari siang dan malam, orang berkawal di bawah mahligai Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi itu. Empat orang menteri dan empat orang hulubalang memegang senjata dan berbaju rantai berkawal di bawah mahligai tuan puteri itu. Setelah didengar oleh hulubalang suara orang tertawa di atas mahligai tuan puteri itu maka katanya, "Apalah bicara tuan hamba sekalian?" Maka kata seorang lagi, "Pada bicara hamba *baiklah kita persembahkan* ke bawah duli dahulu. Apalah juga titah Yang Dipertuan kita kerjakan." Setelah sudah ia mesyuarat itu maka menteri keempat itu pun masuklah menghadap Raja Bahrum Dewa. Maka katanya kepada biduanda itu, "Pergilah persembahkan ke bawah Duli Yang Dipertuan katakan, pada malam tadi kami berkawal di bawah mahligai tuan puteri itu kami dengar suara laki-laki tertawa di atas mahligai tuan puteri itu, hendak disegerakan pekerjaan itu kerana belum kami persembahkan ke bawah Duli Yang Dipertuan."

Setelah demikian kata menteri itu maka biduanda pun pergilah menghadap Raja Bahrum Dewa itu serta dipersembahkanlah perkataan segala menteri yang berkawal di bawah mahligai itu. Setelah didengar oleh baginda akan sembah biduanda itu maka Raja Bahrum Dewa pun terlalu marahnya, api bernyala-nyala merah padam muka baginda itu seperti bunga raya yang baharu kembang rupanya. Serta baginda bertitah kepada empat puluh hulubalang dan rakyat sekalian, "Pergilah kamu lihat anak celaka itu memberi malu kita."

(Dipetik daripada  
'Hikayat Langlang Buana'  
dalam antologi *Dirgahayu Bahasaku*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud *baiklah kita persembahkan*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan di atas, nyatakan **tiga** tindakan menteri dan hulubalang setelah mereka mendengar suara laki-laki tertawa di atas mahligai tuan puteri. [3 markah]
- (iii) Sekiranya anda Raja Bahrum Dewa, apakah tindakan yang mungkin anda ambil terhadap lelaki yang masuk ke mahligai Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi? [3 markah]



SULIT

6

1103/2

**Soalan 2(d) – Sajak**

*Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

**DIRGAHAYU BAHASAKU**

Tempatmu di singgahsana  
hati nurani bangsaku  
warga yang berbudi  
setia dan amanah.

Bahasa itu maruah bangsa  
yang mesti dipelihara martabatnya  
agar tetap kukuh dan ampuh  
melayari lautan bijaksana  
salam ikatan mesra dan teguh.

Cekal dan waja semangat pejuangku  
hak bangsaku memilikimu  
hak bangsaku mendaulatkanmu  
di bumi bertuah ini  
*merentas dunia tak bertepi.*

Sejarah bangsa mencatatkan kegemilangan  
ke barat dan ke timur menjalin persaudaraan  
gagah pelautku membelah lautan  
ke utara dan ke selatan bahasaku mencengkam  
dari pulau ke pulau menggilap mutiara silam.

Dirgahayu bahasaku  
di arena antarabangsa suaramu tumbuh  
menusuk kalbu lagu bahasamu  
bahasamu bahasa minda  
mudah akrab dan bertatasusila  
daripada bangsa yang bernama Melayu  
menempa kejayaan di alaf baru.

**AHMAD SARJU**

Antologi *Dirgahayu Bahasaku*  
Dewan Bahasa dan Pustaka

SULIT

7

1103/2

- (i) Berikan maksud *merentas dunia tak bertepi*. [2 markah]
- (ii) Dalam rangkap kedua sajak ini dinyatakan bahawa bahasa itu maruah bangsa yang mesti dipelihara martabatnya.  
Pada pandangan anda, apakah usaha-usaha yang dapat dilakukan untuk menyuburkan semangat cinta akan bahasa kita dalam kalangan masyarakat? [3 markah]
- (iii) Nyatakan tiga unsur bahasa yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**  
[30 markah]

*Jawab semua soalan.*

(a) *Tulis dua ayat bagi tiap-tiap perkataan di bawah supaya jelas menunjukkan bahawa anda faham akan perbezaan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

(i) bela

(ii) reda

(iii) perang

[6 markah]

(b) *Kenal pasti jenis-jenis ayat perintah yang berikut. Tentukan sama ada ayat tersebut ialah ayat suruhan, ayat larangan, ayat silaan atau ayat permintaan.*

(i) Sila buat laporan tentang kes meniru itu.

(ii) Usahlah dikenangkan lagi perkara yang lalu.

(iii) Awak siapkan tugas ini sekarang.

(iv) Awak tidak usahlah datang ke sini lagi.

(v) Pujuklah budak yang menangis itu.

(vi) Tolong hantarkan karangan ini sebelum hari Khamis.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

(i) Kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi digunakan untuk meningkatkan mutu pendidikan dan memastikan pelajar mengikuti pengajaran dan pelajaran dengan lebih berkesan.

SULIT

9

1103/2

- (ii) Majlis Makan Malam Amal ini dirancang oleh pihak sekolah bagi mengumpul dana untuk membantu para pelajar yang menghadapi masalah kewangan.
- (iii) Selain kewujudan peluang pekerjaan, program inap desa diharapkan dapat menarik kedatangan pelancong asing ke negara kita.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Ustaz Hidayat telah diberikan tugas untuk mengurus para peserta-peserta yang akan memasuki pertandingan nasyid peringkat daerah Seremban.
- (ii) Profesor Mohd Kamal memaklumkan bahawa soal selidik yang akan dibentangkan dalam seminar itu telah beliau siapkan.
- (iii) Pak Sako sering menceritakan tentang pengalamannya yang menggores hati, iaitu kekejaman tentera Jepun sewaktu menjajah negara kita.

[6 markah]

(e) *Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian tukarkan peribahasa yang diberi dalam ayat dengan peribahasa atau kata-kata hikmat yang hampir sama ertinya dengan peribahasa tersebut.*

- (i) Sifat lemah lembut Mei Ling sama seperti ibunya. Hal ini bertepatan dengan pepatah **bagaimana acuan begitulah kuihnya**.
- (ii) Kembalinya Datuk Misbun Sidek ke pangkuan Persatuan Badminton Malaysia amat dialu-alukan demi pembangunan sukan badminton negara. Hal ini samalah seperti pepatah **sirih pulang ke gagang**.
- (iii) Semasa berlakunya krisis air di Melaka, para peniaga **menanggung di air yang keruh** dengan menaikkan harga tong air dan baldi.

[6 markah]

[Lihat halaman sebelah  
SULIT

SULIT

10

1103/2

**Soalan 4 : Novel**  
[15 markah]

*Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:*

- (i) Azfa Hanani karya Hanis Azhan Mohd Hanafiah
  - (ii) Papa... ( Akhirnya Kau Tewas Jua) karya Deana Yusof
  - (iii) Renyah karya Gunawan Mohamad
  - (iv) Melunas Rindu karya Hartini Hamzah
  - (v) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir
  - (vi) Interlok karya Abdullah Hussain
  - (vii) Sutera dalam Lukisan karya Abd Taib Hassan
  - (viii) Kabus di Perbukitan karya Mohamad Kholid Hamzah
- (a) Pengarang mengemukakan pelbagai persoalan dalam hasil karya mereka. Berdasarkan sebuah novel yang telah anda kaji, huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam novel tersebut. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, bandingkan **satu** perwatakan watak utama dalam setiap novel. [8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**